

**KESEDIAAN BELAJAR DAN PENGLIBATAN  
KOKURIKULUM DALAM KALANGAN  
PELAJAR SEKOLAH SATU SESI DI  
DAERAH KOTA BELUD:  
SATU KAJIAN KES**

PEPPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**SALMAH BT. LOH @ LOK  
PS 05-006 (K)-036**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2007**

## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan pada tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

SALMAH BT. LOH @ LOK  
PS05-006(K)-036  
NOVEMBER 2007



PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

IJAZAH : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

SAYA : \_\_\_\_\_ SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_  
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

TARIKH: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)\_\_\_\_\_  
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: \_\_\_\_\_

## Catatan:

\*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dipanjatkan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnianya saya telah dapat menyempurnakan tugas ini. Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya iaitu Pn. Wardatul Akmam Din kerana bimbingan kepada saya bagi menyiapkan tugas ini. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial yang telah mendidik dan membimbing saya selama mengikuti pengajian Sarjana Pengurusan Pendidikan ini. Kepada keluarga, serta rakan-rakan terima kasih kerana dorongan dan sokongan kalian.




UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ABSTRAK

### **KESEDIAAN BELAJAR DAN PENGLIBATAN KOKURIKULUM DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH SATU SESI DI DAERAH KOTA BELUD : SATU KAJIAN KES**


Kajian ini bertujuan untuk meninjau dan mengetahui persepsi pelajar terhadap tahap kesediaan mereka belajar dan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang diadakan di sekolah satu sesi. Kajian adalah berbentuk kajian kes, melibatkan seramai 157 orang pelajar tingkatan empat di dua buah menengah sekolah satu sesi di daerah Kota Belud iaitu SMK Tambulion dan SMK Pekan II. Seramai 38 orang guru turut terlibat dalam kajian ini bagi mengetahui persepsi guru terhadap kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran dan aktiviti kokurikulum di sekolah satu sesi. Ianya juga untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkaitan dengan pembolehubah yang dikaji. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik. Statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis data dan dipersembahkan dalam bentuk huraian bagi memperjelaskan lagi dapatan. Berdasarkan kajian didapati kesediaan pelajar adalah pada tahap sederhana berdasarkan skala taksiran min, manakala penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum adalah pada tahap yang tinggi. Namun demikian dari sudut pandangan guru, keseluruhannya pelajar masih berada pada tahap sederhana kesediaan belajar dan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum di sekolah satu sesi yang memanjangkan waktu persekolahan ini.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

***ABSTRACT*****LEARNING READINESS AND COCURRICULUM INVOLVEMENT AMONG ONE SESSION SCHOOL'S STUDENT AT KOTA BELUD DISTRICT : A CASE STUDY**

The aim of this survey is to observe and understand student's perception towards their level of learning readiness and involvement in cocurriculum activities in one session school. Survey had been done in form of case survey which involved 157 form four student from two one session secondary school, at Kota Belud district, SMK Tambulion and SMK Pekan II. There were 38 teachers also involved in this survey to understand teacher's perception towards student's readiness to follow the learning process and cocurriculum activities in one session school. It is also to gain clear view regarding the survey variables. The instrument that had been used was questionnaire. Descriptive statistic which are frequency, percentage, min and isolate standard used for data analysis and presented inform of description to explain more the finding. According to the survey, student's readiness at moderate level based on min assessment scale, meanwhile, student's involvement in cocurriculum activities at high level. However from teacher's view, overall student's of learning readiness and cocurriculum activities involvement in one session at moderate level.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ISI KANDUNGAN

|                                                     | MUKA SURAT       |
|-----------------------------------------------------|------------------|
| <b>PENGAKUAN</b>                                    | <b>i</b>         |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                  | <b>ii</b>        |
| <b>ABSTRAK</b>                                      | <b>iii</b>       |
| <b><i>ABSTRACT</i></b>                              | <b><i>iv</i></b> |
| <b>ISI KANDUNGAN</b>                                | <b>v</b>         |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                            | <b>viii</b>      |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                                | <b>ix</b>        |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                               | <b>x</b>         |
| <br>                                                |                  |
| <b>BAB 1    PENDAHULUAN</b>                         | <b>1</b>         |
| 1.1    Pengenalan                                   | 1                |
| 1.2    Latar belakang Pelaksanaan Sekolah Satu Sesi | 3                |
| 1.3    Latar belakang Kajian Sekolah Satu Sesi      | 7                |
| 1.4    Pernyataan Masalah                           | 10               |
| 1.5    Persoalan Kajian                             | 12               |
| 1.6    Matlamat Kajian                              | 12               |
| 1.7    Objektif Kajian                              | 14               |
| 1.8    Definisi Operasional                         | 15               |
| 1.9    Signifikan Kajian                            | 17               |
| 1.10    Batasan Kajian                              | 20               |

|              |                           |    |
|--------------|---------------------------|----|
| <b>BAB 2</b> | <b>TINJAUAN LITERATUR</b> | 22 |
| 2.1          | Pengenalan                | 22 |
| 2.2          | Definisi Konsep           | 23 |
| 2.3          | Teori                     | 26 |
| 2.4          | Model                     | 32 |
| 2.5          | Kajian Lepas              | 33 |
| 2.6          | Kerangka Konseptual       | 42 |
| 2.7          | Kesimpulan                | 43 |
| <br>         |                           |    |
| <b>BAB 3</b> | <b>METODOLOGI KAJIAN</b>  | 44 |
| 3.1          | Pengenalan                | 44 |
| 3.2          | Reka bentuk Kajian        | 44 |
| 3.3          | Populasi dan Sampel       | 45 |
| 3.4          | Lokasi Kajian             | 46 |
| 3.5          | Kajian Rintis             | 48 |
| 3.6          | Instrumen Kajian          | 49 |
| 3.7          | Prosedur Kajian           | 51 |
| 3.8          | Pengumpulan Data          | 54 |
| 3.9          | Penganalisan Data         | 55 |
| 3.10         | Kesimpulan                | 56 |

|              |                                |           |
|--------------|--------------------------------|-----------|
| <b>BAB 4</b> | <b>DAPATAN KAJIAN</b>          | <b>57</b> |
| 4.1          | Pendahuluan                    | 57        |
| 4.2          | Profil Demografi Pelajar       | 57        |
| 4.3          | Profil Demografi Guru          | 61        |
| 4.4          | Pengujian dan Analisis Dapatan | 63        |
| 4.5          | Kesimpulan                     | 74        |

|              |                                                            |           |
|--------------|------------------------------------------------------------|-----------|
| <b>BAB 5</b> | <b>PERBINCANGAN HASIL KAJIAN, RUMUSAN DAN<br/>CADANGAN</b> | <b>75</b> |
| 5.1          | Pendahuluan                                                | 75        |
| 5.2          | Rumusan Kajian                                             | 76        |
| 5.3          | Perbincangan Dapatan Kajian                                | 77        |
| 5.4          | Implikasi Terhadap Penyelidikan                            | 82        |
| 5.4          | Cadangan Kajian Masa Depan                                 | 84        |
| 5.5          | Penutup                                                    | 85        |

|                    |           |
|--------------------|-----------|
| <b>BIBLIOGRAFI</b> | <b>86</b> |
|--------------------|-----------|

## **LAMPIRAN**

LAMPIRAN A (Borang Soal Selidik)

LAMPIRAN B (Surat Kelulusan Menjalankan Kajian)

LAMPIRAN C (Jadual Waktu Persekolahan Satu Sesi)

## SENARAI SINGKATAN

|       |                                    |
|-------|------------------------------------|
| KPM   | Kementerian Pelajaran Malaysia     |
| PIPP  | Pelan Induk Pembangunan Pendidikan |
| RMK-9 | Rancangan Malaysia Kesembilan      |



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SENARAI RAJAH**

|           | <b>MUKA SURAT</b> |
|-----------|-------------------|
| Rajah 2.1 | 32                |
| Rajah 2.2 | 42                |
| Rajah 3.1 | 53                |



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

### MUKA SURAT

|             |                                                                                        |    |
|-------------|----------------------------------------------------------------------------------------|----|
| Jadual 2.1  | Hukum-hukum Kesediaan Thorndike                                                        | 28 |
| Jadual 3.1  | Skor Kebolehpercayaan Skala Sikap                                                      | 48 |
| Jadual 3.2  | Skor Kebolehpercayaan Skala Sikap (Guru)                                               | 48 |
| Jadual 3.3  | Jadual Skala Likert                                                                    | 51 |
| Jadual 3.4  | Pembahagian Item Soal Selidik                                                          | 54 |
| Jadual 3.5  | Analisis Statistik Deskriptif dan Inferensi                                            | 55 |
| Jadual 3.6  | Taksiran Skala Min                                                                     | 56 |
| Jadual 4.1  | Jantina Responden                                                                      | 58 |
| Jadual 4.2  | Tempat Tinggal Responden                                                               | 58 |
| Jadual 4.3  | Jarak Tempat Tinggal                                                                   | 58 |
| Jadual 4.4  | Pekerjaan Ibu bapa                                                                     | 59 |
| Jadual 4.5  | Pendapatan Ibu bapa                                                                    | 60 |
| Jadual 4.6  | Tahap Pendidikan Ibu bapa                                                              | 60 |
| Jadual 4.7  | Jantina Responden (Guru)                                                               | 61 |
| Jadual 4.8  | Pengalaman Mengajar                                                                    | 61 |
| Jadual 4.9  | Tempat Tinggal                                                                         | 62 |
| Jadual 4.10 | Jarak Tempat Tinggal                                                                   | 62 |
| Jadual 4.11 | Respon Pelajar Terhadap Kesediaan Belajar                                              | 63 |
| Jadual 4.12 | Respon Terhadap Penglibatan dalam Kokurikulum                                          | 67 |
| Jadual 4.13 | Persepsi Guru Terhadap Kesediaan Belajar dan Penglibatan<br>Dalam Aktiviti Kokurikulum | 71 |

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Sekolah dilihat sebagai sebuah institusi yang diwujudkan mengikut kehendak dan keperluan masyarakat bagi memberi pendidikan kepada anak-anak secara teratur dan tersusun. Selain daripada itu, institusi sekolah juga dianggap mempunyai matlamat unggul untuk menyampaikan ilmu, membentuk peribadi dan mengembangkan akal.

Bagi memenuhi matlamat tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa membuat perubahan dalam pendidikan sejajar dengan perkembangan semasa dan bagi merealisasikan Wawasan 2020 dan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Perubahan yang perlu dilakukan diperhalusi secara teliti kerana apa sahaja pembaharuan akan memberikan impak terhadap hampir kesemua aspek pendidikan.

Kementerian Pelajaran Malaysia, melalui menterinya iaitu Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein, telah menggariskan empat agenda utama dalam usaha meningkatkan akses, ekuiti dan kualiti pendidikan, sepanjang Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9). Agenda pertama ialah untuk memperkasakan sekolah kebangsaan; agar ia menjadi pilihan utama rakyat; kedua membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia; agar generasi yang dilahirkan nanti mampu bersaing dalam persaingan sengit era globalisasi; ketiga merapatkan jurang pendidikan, yang merangkumi jurang di antara bandar dan luar bandar, jurang di antara miskin dan kaya, jurang digital dan jurang di antara mereka yang normal dengan mereka yang berkeperluan khas; agar tidak ada sebarang golongan yang tercicir dari arus pembangunan. Keempat, memartabatkan profesion keguruan; agar profesion ini dihormati dan dipandang tinggi sesuai dengan

amanah yang dipikulnya sebagai profesion yang berada di barisan paling hadapan dalam pembinaan generasi dan modal insan pada masa akan datang.

Untuk merealisasikan empat agenda tersebut, maka usaha-usaha penambahbaikan sistem persekolahan diteruskan khususnya dalam aspek mempertingkatkan keupayaan dan kualiti dalam sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Salah satu usaha yang dijalankan ialah mengubahsuai sistem persekolahan untuk menjadikan semua sekolah di negara ini menjadi satu sesi pada masa akan datang. Program persekolahan satu sesi dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti kurikulum dan kokurikulum iaitu dengan cara memanjangkan waktu persekolahan, menambah mata pelajaran penting dan seterusnya menjadi satu daripada pendekatan untuk meminimumkan penglibatan dalam aktiviti salah laku.

Berdasarkan kepada perubahan yang dilaksanakan ini, adalah diharapkan agar setiap pelajar sama ada di bandar atau luar bandar akan mendapat kesamaan dalam mendapatkan pendidikan. Untuk itu perluasan persekolahan sekolah satu sesi diperluaskan hingga ke luar bandar. Sekolah menengah luar bandar di daerah Kota Belud tidak terkecuali daripada perubahan ini dengan wujudnya 3 buah sekolah satu sesi dan salah sebuahnya ialah sekolah agama. Perubahan yang berlaku ini tentunya memberi banyak kesan kepada semua warga dalam sesebuah sekolah yang terlibat dan merupakan cabaran yang perlu digalas untuk mencapai hasrat yang dicita-citakan dengan penubuhan sekolah satu sesi ini.

## 1.2 Latar Belakang Pelaksanaan Sekolah Satu Sesi

Isu berkaitan dengan persekolahan satu sesi telah menarik perhatian dan banyak diperkatakan sejak tahun 1994 lagi. Ini ekoran daripada kenyataan oleh YB Dr. Leo Micheal Toyad iaitu Timbalan Menteri Pendidikan masa itu tentang sekolah satu sesi mengikut waktu pejabat. Berdasarkan kepada senario pada masa itu, terdapat pelbagai pendapat pro dan kontra daripada masyarakat tentang cadangan perlaksanaannya. Disamping berita dan rencana akhbar dan majalah, terdapat juga beberapa pertubuhan dan kesatuan guru yang menghantar memorandum mereka kepada Kementerian Pendidikan tentang pelaksanaan dasar tersebut.

Seterusnya pada 21 April 1994, YB Datuk Amar Dr. Sulaiman Hj. Daud, Menteri Pendidikan pada masa itu dalam satu jawapan di Parlimen, menegaskan sama ada hasrat untuk mengadakan sekolah satu sesi mengikut waktu pejabat akan tercapai ataupun tidak adalah bergantung pada beberapa faktor, seperti jumlah kelas, bilangan guru dan peruntukan kewangan yang ada. Menurutny lagi, perlaksanaannya sedang difikirkan dan satu jawatan kuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji perlaksanaannya bagi memastikan kejayaannya.

Berdasarkan senario pada masa itu, terdapat dua kumpulan yang memberi pandangan tentang pelaksanaan sesi persekolahan mengikut waktu pejabat ini iaitu; pertama, pendapat yang menyokong cadangan pelaksanaan sistem sekolah satu sesi, dan; kedua, pendapat yang menentang cadangan tersebut. Reaksi yang pelbagai ini timbul kerana mereka iaitu orang ramai, penulis, kesatuan, pertubuhan serta guru-guru tidak begitu jelas dengan tujuan perlaksanaannya terutama berkaitan dengan aspek memanjangkan waktu pesekolahan.

Berdasarkan kaji selidik yang dilaksanakan oleh Berita Minggu (21 Ogos 1994) mengenai pelaksanaan sekolah satu sesi ini mendapati:

- i) 60.2% ibu bapa / penjaga dan guru tidak bersetuju, manakala 38.9% bersetuju dengan pelaksanaan sekolah satu sesi mengikut waktu pejabat.
- ii) 65% pelajar tidak bersetuju dengan pelaksanaan sistem itu;
- iii) Berdasarkan tinjauan ringkas tersebut menunjukkan bahawa pihak ibu bapa / penjaga, guru serta pelajar mahukan sesi persekolahan yang sedia ada dikekalkan kerana ini akan membolehkan lebih banyak masa terluang bagi pelajar menelaah pelajaran, bergiat dalam aktiviti kokurikulum dan tidak menjejaskan hubungan keluarga.

(Sumber : Kertas Latar Sekolah Satu Sesi (8.00 pagi hingga 4.30 petang), Untuk Seminar Sekolah Satu Sesi, Oktober 1994 , Di Institut Aminuddin Baki; BPPP, KPM)

Selain daripada itu beberapa memorandum telah dikemukakan oleh beberapa pihak berkaitan dengan pelaksanaan sekolah satu sesi ini. Antaranya ialah:

- i) Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Agama Malaysia Barat Cawangan Negeri Johor (KKGUM)
- ii) Persidangan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Malaysia (PKPSM) Cawangan Negeri Kelantan.
- iii) Persekutuan Seruan Islam (Muslim Masionary) Selangor dan Wilayah Persekutuan.
- iv) Persidangan Kebangsaan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Negeri Melaka (PKPSM Negeri Melaka)
- v) Majlis Guru Besar Negeri Melaka (MGB Negeri Melaka)

- vi) Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Cawangan Negeri Melaka (KPPK Negeri Melaka)

Beberapa resolusi dikemukakan oleh pihak-pihak tersebut. Antaranya memorandum Kesatuan Guru-guru Agama Malaysia Barat (KKGUMB), Cawangan Johor, iaitu usul yang diluluskan oleh kesatuan tersebut dalam mesyuarat agungnya bagi kali ke-21 pada 13 Julai 1994 di Dewan Kompleks Islam Johor.

Usul tersebut berbunyi..

"Mendesak Kementerian Pendidikan agar menghormati hak yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia mengenai kedudukan Agama Islam bagi sesebuah negeri adalah di bawah kekuasaan Raja dan kerajaan negeri itu sendiri. Maka dengan ini Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kerajaan Pusat didesak supaya membatalkan rancangannya untuk melaksanakan sesi persekolahan mengikut waktu pejabat kerana pelaksanaan tersebut akan menafikan hak kewujudan sekolah agama kerajaan-kerajaan negeri"

Berdasarkan memorandum-memorandum yang diterima, beberapa rumusan dapat dibuat. Antaranya:

- i) Menolak pelaksanaan sesi persekolahan tersebut berasaskan fakta-fakta tertentu di mana cadangan ini membawa implikasi negatif dari segi politik dan keagamaan terhadap masyarakat Melayu dan Agama Islam (KKGUMB), cawangan Negeri Johor.
- ii) Pelaksanaan sesi persekolahan baru ini juga akan menjejaskan kestabilan masyarakat dan negara Malaysia kerana ia membawa implikasi dari segi ekonomi dan sosial. (KKGUMB, Cawangan Negeri Johor)
- iii) Cadangan ini akan menjejaskan status quo sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri yang telah lama wujud dan menjejaskan perancangan yang telah disusun oleh pihak berkenaan (KKGUMB, Cawangan Negeri Johor)

- iv) Menyokong pelaksanaan cadangan berkenaan dengan syarat beberapa aspek prasarana pendidikan diwujudkan terlebih dahulu (PKPSM Cawangan Negeri Kelantan, PKPSM Negeri Melaka, MGB Negeri Melaka dan KPPPK Negeri Melaka)
- v) Menyokong cadangan ini sekiranya pelajaran Agama Islam dijadikan mata pelajaran wajib pada sesi petang iaitu dari pukul 2.00 hingga 4.00 petang. (Persekutuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan)

Perdebatan dan penentangan terhadap cadangan pelaksanaan ini telah berlanjutan hingga ke tahun 1997. Akhirnya Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil keputusan untuk melaksanakan sekolah satu sesi dengan memanjangkan waktu belajar ini dengan melakukan percubaan terhadap 28 buah sekolah perintis. Melalui tahap percubaan ini, sekolah-sekolah perintis tersebut akan menjalankan persekolahan harian selama sekurang-kurangnya 450 minit berbanding 340 minit sehari. Waktu persekolahan bermula tidak lewat jam 8.00 pagi dan tamat pada jam 4.00 petang.

Pemantauan telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan terhadap sekolah-sekolah perintis tersebut bagi mengenal pasti kelebihan dan kesesuaian konsep sekolah satu sesi yang dicadangkan. Selain itu untuk meninjau masalah dan keperluan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah yang terlibat terutamanya dengan waktu harian yang dipanjangkan.

Kini setelah sedekad berlalu, Kementerian Pelajaran berusaha untuk meluaskan sistem persekolahan satu sesi dengan melakukan transformasi secara menyeluruh termasuk membabitkan pembangunan infrastruktur dan pembinaan sekolah di semua

kawasan yang memerlukan untuk merealisasikan cadangan pelaksanaan sekolah satu sesi.

Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, telah memutuskan supaya sekolah-sekolah menengah di Sabah yang beroperasi satu sesi melaksanakan Jadual Bersepadu berkuatkuasa 11 Jun 2007. Arahan tersebut adalah berdasarkan surat bertarikh 23 Mei 2007. Melalui model jadual waktu bersepadu tersebut, sekolah-sekolah menengah satu sesi di bandar dan luar bandar akan melanjutkan waktu persekolahan hingga jam 3.00 petang dan persekolahan bermula pada jam 7.00 pagi.

Proses yang diambil untuk melaksanakan persekolahan satu sesi ini telah mengambil jangka masa yang lama dan sama ada berjaya atau tidak bergantung kepada banyak faktor seperti kemudahan fizikal sekolah serta kekangan yang dijangka wujud sebelum dapat dilaksanakan keseluruhannya dalam sistem persekolahan di Malaysia.

### **1.3 Latar Belakang Kajian Sekolah Satu Sesi**

Proses pendidikan di Malaysia telah melalui proses yang lama, bermula zaman pramerdeka (sebelum 1957), pasca merdeka (1957- 1970), zaman Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), zaman Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) dan sekarang iaitu zaman Dasar Wawasan Negara (2001-2010).

Tempoh tersebut memperlihatkan banyak perubahan bermula dengan sistem pendidikan yang terasing antara Cina, India dan Melayu. Kemudian zaman pasca merdeka usaha ditumpukan untuk mewujudkan satu sistem pelajaran kebangsaan, dengan mengutamakan perpaduan melalui penggunaan Bahasa Malaysia sebagai

bahasa pengantar utama pada semua peringkat pendidikan selain penggunaan kurikulum dan peperiksaan yang sama untuk semua pelajar.

Menjelang zaman Dasar Ekonomi Baru, pendidikan diberikan keutamaan bagi menangani masalah ketidak seimbangan dalam masyarakat dengan menyediakan peluang sama untuk semua kaum untuk mewujudkan perpaduan. Dasar Pembangunan Negara (1991-2000), memperlihatkan banyak akta digubal dan dipinda bertujuan memperkukuhkan dasar pendidikan, juga dengan tertubuhnya Sekolah Bestari pada tahun 1999.

Zaman Dasar Wawasan Negara (2001-2010), merupakan cabaran bagi Malaysia menghadapi globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaaan dan perkembangan teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT). Perubahan demi perubahan akan sentiasa berlaku, tujuannya untuk memberikan sistem pendidikan terbaik kepada semua rakyat. Kewujudan Sekolah Bestari (1999), dan Sekolah Kluster (2006), merupakan petanda seriusnya Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melonjakkan pendidikan ke peringkat tertinggi hingga ke peringkat global. Bagi tujuan itu KPM, telah mengenal pasti bidang pendidikan yang masih memerlukan penambahbaikan dan perhatian khusus.

Penyediaan kemudahan infrastruktur merupakan bidang yang perlu diberi perhatian serius. Berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Nasional (PIPP), yang dibentangkan oleh menteri pelajaran, terdapat beberapa jurang pencapaian pendidikan yang masih berlaku. Isu-isu yang dihadapi antaranya ialah penyediaan bekalan elektrik dan bekalan air bersih yang belum mencukupi khususnya di sekolah luar bandar.

Selain daripada itu penyediaan bilik darjah belum mencukupi di samping bilangan sekolah dua sesi yang masih tinggi, selain bangunan sekolah lama yang memerlukan penyelenggaraan yang tinggi, dan kemudahan makmal sains belum

disediakan sepenuhnya merupakan antara masalah yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran.

Masalah lain ialah kadar penyertaan pelajar dalam sistem pendidikan masih rendah di peringkat menengah. Murid sekolah rendah yang belum menguasai kemahiran 3M, kecikiran, penyertaan dan pencapaian pelajar kurang upaya, anak-anak orang asli dan Penan di Sarawak, selain guru terlatih dalam bidang kritikal seperti Matematik dan Sains yang belum mencukupi. Semua ini perlu diatasi terlebih dahulu sebelum usaha untuk melaksanakan persekolahan satu sesi diperluaskan lagi ke seluruh negara.

Pembinaan lebih banyak sekolah diperlukan agar dapat menampung pelajar yang kian bertambah saban tahun. Sekolah satu sesi diharap dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mengikuti pendidikan dengan lebih selesa dan mendapat peluang yang sama rata dengan rakan-rakan mereka yang lain di kawasan yang mempunyai kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, komputer dan prasarana yang lain.

Daerah Kota Belud merupakan daerah kategori luar bandar, yang tidak terkecuali menerima perubahan dalam pendidikan. Pada tahun 2007, terdapat lapan buah sekolah menengah yang beroperasi dan tiga daripadanya merupakan sekolah satu sesi. Dua buah sekolah adalah sekolah menengah harian dan sebuah lagi ialah sekolah menengah agama.

Dua buah sekolah baru yang mula beroperasi pada tahun 2005 dan 2006, iaitu SMK Pekan II dan SMK Tambulion merupakan sekolah satu sesi dengan jumlah pelajar adalah seramai 614 orang (SMK Pekan II) dan 734 orang (SMK Tambulion). Jumlah guru adalah seramai 73 orang iaitu seramai 35 orang di SMK Pekan II dan 38 orang di SMK Tambulion. Kedua-dua buah sekolah ini merupakan sekolah yang beroperasi menggunakan bangunan yang baru dibina. Pada dasarnya sekolah ini mempunyai

kemudahan fizikal yang serba lengkap dengan pelbagai kemudahan. Memandangkan persekolahan satu sesi bagi sekolah menengah merupakan satu fenomena baru di daerah ini, maka pengkaji merasakan perlu mengkaji pelaksanaannya dengan melihat dari perspektif persepsi pelajar terhadap pelaksanaan sistem persekolahan satu sesi dengan memanjangkan waktu persekolahan ini bagi mengetahui pandangan dan tanggapan mereka terhadap sistem persekolahan ini.

#### **1.4 Pernyataan Masalah**

Pengenalan persekolahan satu sesi dengan memanjangkan waktu belajar kira-kira sepuluh tahun yang lalu dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan fungsi sekolah sebagai penjana kecemerlangan sama ada dari aspek kurikulum mahupun kokurikulum. Kini ia diperluaskan selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Faktor-faktor persekitaran sosial, ekonomi dan politik yang semakin kompleks, merupakan pemangkin kepada perubahan dalam pendidikan antaranya dalam kurikulum.

Perubahan perlu supaya ianya sentiasa relevan dengan keperluan semasa. Hargraves (1994), dalam Habib Mat Som (2005), menyatakan isu-isu yang berkaitan dengan persoalan tersebut memberi kesan yang kuat dalam pembentukan persekitaran pendidikan dan merupakan pemangkin yang menjana perubahan itu sendiri. Sekolah satu sesi sebelum ini menggunakan jadual waktu lama yang bermula jam 7 pagi dan berakhir pada jam 1.20 petang. Sementara itu, aktiviti kokurikulum diadakan sama ada pada waktu petang mengikut penasihat persatuan, unit beruniform atau kelab dan sukan/permainan masing-masing atau pun diadakan pada hari Sabtu mengikut kesesuaian sekolah masing-masing.

Baru-baru ini pelaksanaan sekolah satu sesi yang memanjangkan waktu persekolahan telah diperluaskan ke semua sekolah satu sesi di negeri Sabah. Ini berdasarkan surat daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, bertarikh 23 Mei 2007, iaitu semua sekolah satu sesi dikehendaki menggunakan jadual bersepadu. Masa pembelajaran adalah dari jam 7.00 pagi hingga 3.00 petang. Di daerah Kota Belud, persekolahan satu sesi yang melibatkan sekolah menengah merupakan fenomena yang baru. Daripada 8 buah sekolah yang ada hanya 3 buah sahaja yang melaksanakan sekolah satu sesi dan sebuah daripadanya adalah sekolah menengah agama.

Keadaan yang baru tentunya menimbulkan reaksi yang pelbagai dari pihak-pihak seperti guru, ibu bapa, pelajar dan juga masyarakat. Apabila diperkenalkan sepuluh tahun yang lalu melalui sekolah-sekolah perintis banyak respon atau maklum balas yang diterima. Reaksi yang diterima pelbagai, ada yang bersetuju, ada yang menentang pelaksanaannya dan ada juga yang meminta dikaji semula. Adakah keadaan yang sama wujud dalam kalangan masyarakat khususnya pelajar sekolah satu sesi di daerah ini?

Melihat kepada pelbagai reaksi yang dikemukakan sama ada oleh orang perseorangan, pertubuhan dan sebagainya melalui media massa di negara kita berkaitan dengan pelaksanaan sekolah satu sesi yang memanjangkan waktu persekolahan ini, maka pengkaji ingin meninjau beberapa aspek atau persoalan terhadap pelaksanaan sekolah satu sesi ini. Antaranya ialah, apakah penerimaan pelajar terhadap sistem persekolahan satu sesi yang memanjangkan waktu persekolahan di dua buah sekolah yang terlibat? Apakah pelajar bersedia belajar dalam jangka masa yang lama di sekolah satu sesi yang memanjangkan waktu persekolahan ini?. Ini kerana pelajar akan berada lebih lama di sekolah iaitu lebih kurang lapan jam. Bagaimana pula dengan penyertaan dalam bidang kokurikulum?. Dapatkah masa yang diperuntukkan iaitu tiga kali

seminggu membantu melibatkan pelajar dengan lebih efektif dalam menyertai aktiviti kokurikulum?. Ini kerana aktiviti kokurikulum akan diadakan semasa waktu persekolahan iaitu di sebelah petang.

Persoalan-persoalan ini perlu dikaji semula terutama sekolah satu sesi di kawasan luar bandar untuk mengetahui persepsi keseluruhan mereka terhadap pelaksanaannya. Dapatan yang akan diperolehi diharap dapat membantu pihak-pihak berkaitan bagi membentuk satu aktiviti yang dapat membantu pelajar dengan lebih berkesan ke arah melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

### **1.5 Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran terutama sebelah petang di sekolah satu sesi yang memanjangkan waktu persekolahan ini?
2. Apakah pelajar bersedia mengikuti dan dapat melibatkan diri dengan aktif dalam aktiviti kokurikulum yang diadakan di sekolah satu sesi ini?
3. Apakah pelajar lebih bersedia belajar dan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan di sekolah satu sesi ini dari sudut persepsi guru?

### **1.6 Matlamat Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi pelajar terhadap persekolahan satu sesi yang memanjangkan masa pembelajaran. Tinjauan dibuat terhadap pelajar, ini kerana pelajar merupakan golongan yang terlibat menerima pengajaran dan pembelajaran dari mula sesi pengajaran hinggalah masa akhir pengajaran dan pembelajaran. Selain terlibat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, mereka juga terlibat